

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

STW212 - Intervansi Kerja Sosial dengan  
Individu, Keluarga dan Kumpulan

Masa: [3 jam]

---

Jawab TIGA (3) soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Seorang gadis Melayu berumur 18 tahun telah didiagnoskan mendapat penyakit barah tulang (osteogenic sarcoma) di bahagian bawah lutut kirinya. Gadis yang masih menuntut di tingkatan enam ini merupakan seorang pelajar yang rajin serta mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Prognosis pesakit telah dilaporkan agak memuaskan sekiranya kaki pesakit dapat diamputasikan secepat mungkin. Walau bagaimanapun ini bergantung kepada gadis ini sendiri dan keluarganya sendiri untuk membuat keputusan.

Pesakit telah diberitahu oleh doktor akan penyakitnya yang sebenar dan tentang amputasi yang akan dilakukan. Penilaian sosial yang dibuat menunjukkan gadis ini merupakan seorang pesakit yang berhemat tinggi, tabah dan rasional. Ia juga tidak merupakan pesakit yang "cerewet" dan mudah memberikan kerjasama. Besar kemungkinan pesakit akan diminta tinggal selama tiga bulan di hospital dan selepas itu dikehendaki datang untuk rawatan susulan setiap dua minggu selama satu tahun. Latarbelakang keluarga menunjukkan pesakit adalah merupakan anak yang kedua dari jumlah adik beradik yang seramai enam orang. Umur mereka adalah di antara 20 - 7 tahun. Bapa pesakit seorang penjaja mee di Seremban dan berpendapatan sebanyak lebih kurang \$500 sebulan. Kes ini baru saja dirujukan kepada anda. Bincangkan:-

- a) Apakah jenis-jenis intervensi sosial yang boleh diberikan kepada pesakit ini?.
- b) Jelaskan sistem-sistem klien yang boleh dikenalpasti serta bincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh sistem-sistem tersebut.
- c) Bincangkan apakah proses pemulihan yang boleh diberikan serta sumber-sumber yang boleh diperolehi untuk mencapai objektif pemulihan tersebut.

[STW 212]

2. Anda telah diterima bekerja sebagai seorang pekerja sosial di salah sebuah syarikat baru kilang kasut yang terletak tidak jauh dari kawasan bandar. Kilang ini telah mengambil banyak pekerja baru yang terdiri daripada gadis-gadis yang berumur di antara 18 - 25 tahun dari kawasan luar bandar. Majikan anda telah memberitahu anda bahawa sejak kebelakangan ini terdapat banyak kes-kes di mana pekerja-pekerja wanitanya berhenti kerja, datang lewat, tidak menjalankan tugas dengan betul dan terlalu banyak mengambil cuti sakit. Masalah yang dibentangkan oleh majikan anda telah menjejaskan produktiviti dan perniagaan syarikat ini. Majikan anda telah meminta anda menyelidik akan perkara ini dan bergantung kepada anda untuk mengurangkan masalah pekerja syarikat ini.

Anda telah menemubual beberapa wanita yang terlibat. Maklumbalas yang anda terima menunjukkan banyak gadis-gadis ini mengalami masalah penyesuaian yang disebabkan oleh penghijrahan dari kampung ke bandar. Terdapat juga segulongan gadis-gadis ini yang mudah terpengaruh dengan teman-teman lelaki mereka yang hanya ingin mempergunakan gadis-gadis untuk kepentingan sek, berpoya-poya dan berhibur. Anda bercadang untuk menjalankan satu kerja kumpulan ke atas masalah yang dilaporkan oleh majikan anda. Berdasarkan kepada kes di atas bincangkan:-

- a) Apakah pemahaman anda tentang kerja kumpulan?
- b) Bagaimanakah anda ingin memulakan kerja kumpulan ini dan bincangkan ciri-ciri yang perlu anda ketahui?
- c) Bagaimanakah intervensi kerja kumpulan anda boleh mempertingkatkan produktiviti dan kefungsiian sosial kumpulan ini?

...3/-

3. Pilih dua daripada soalan yang berikut:

- (a) Bincangkan empat aspek-aspek psiko-sosial di dalam intervensi kerja sosial yang dibincangkan di dalam pendekatan penyelesaian masalah dan jelaskan mengapa aspek-aspek yang berkenaan perlu dikenalpasti semasa pengambilan maklumat dibuat.
- (b) Pilih satu daripada pendekatan intervensi menolong di bawah ini dan bincangkan pemahaman anda tentang pendekatan/model yang berkenaan.
  - i) Modifikasi Kelakuan
  - ii) Psikonalisa
  - iii) Intervensi Krisis
  - iv) Pendekatan Fungsian
  - v) Kaunseling
  - vi) Pendekatan Psiko-sosial
- (c) Bincangkan mengapa proses penamatan itu perlu dan apakah kerasionalannya di dalam intervensi kerja sosial.
- (d) Bagaimana keluarga boleh memainkan peranan yang penting di dalam proses pemulihan ke atas kanak-kanak yang terencat akal.

